

APLIKASI FIQH AL-AWLAWIYYAT DALAM PENENTUAN KAEDAH PENGAGIHAN BANTUAN ZAKAT: KAJIAN DI UITM PERAK

APPLICATION OF FIQH AL-AWLAWIYYAT IN DETERMINING ZAKAT DISTRIBUTION METHODS: A STUDY AT UITM PERAK

Fathiah Fathil^{1*}

Ahmad Rozaini Ali Hasan²

Nurul Khairiah Khalid³

Atiratun Nabilah Jamil⁴

Mohd Farhan Abd Rahman⁵

‘Adnin Ibrahim⁶

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: fathi397@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: ahmad@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email:nkhairiah@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(Email: atiratun1774@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(Email: farhan84@uitm.edu.my)

⁶Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(Email: adninibrahim@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Fathil, F., Ali Hasan, A. R., Khalid, N. K., Jamil, A. N., Abd Rahman, M. F., & Ibrahim, A. (2024). Aplikasi fiqh al-awlawiyyat dalam penentuan kaedah pengagihan bantuan zakat: Kajian di UiTM Perak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 357 -373.

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang aplikasi konsep Fiqh al-Awlawiyyat dalam penentuan kaedah pengagihan bantuan zakat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak. Fiqh al-Awlawiyyat (fiqh keutamaan) memberi panduan berkenaan urutan keutamaan dalam membuat pertimbangan berdasarkan kepentingan atau keperluan secara adil, sama ada dalam permasalahan hukum, nilai dan pelaksanaan. Perbincangan ini menjelaskan kepentingan aspek keutamaan yang sepatutnya diambilkira dalam penentuan kaedah pengagihan bantuan zakat dalam kalangan mahasiswa UiTM Perak. Objektif kajian yang ditetapkan adalah untuk mengenalpasti keperluan kewangan pengajian pelajar UiTM mengikut jabatan dan semester pengajian, perbezaan kos keperluan pembelajaran antara fakulti serta menilai semula kaedah agihan zakat yang lebih relevan dengan keadaan semasa. Ianya dilakukan secara kuantitatif melalui edaran borang soal selidik secara atas talian kepada para pelajar Fakulti Seni Bina dan Perancangan Ukur Bahan (FSPU), Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), Fakulti Perakaunan (FP), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) dan Fakulti Sains Gunaan

(FSG). Berdasarkan analisis , dapatan menunjukkan bahawa kos keperluan pembelajaran tersebut adalah lebih besar bagi pihak pelajar FSSR berbanding fakulti lain. Kajian ini turut menyarankan beberapa penambahbaikan untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengagihan zakat antaranya dengan penggunaan konsep Fiqh al-Awlawiyyat. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi panduan praktikal secara realistik bagi institusi zakat dalam usaha meningkatkan pengurusan dan pengagihan bantuan kepada golongan pelajar asnaf.

Kata kunci: Agihan Zakat, Aplikasi, Fiqh al-awliyyat, Kos Pembelajaran dan Pelajar asnaf

Abstract: *This article discusses the application of the concept of Fiqh al-Awlawiyyat in determining the method of distribution of zakat aid at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak. Fiqh al-Awlawiyyat (priority jurisprudence) provides guidance regarding the order of priority in making judgments based on interests or needs fairly, whether in matters of law, values and implementation. This discussion explains the importance of priority aspect that should be taken into account in determining the method of distribution of zakat aid among UiTM Perak students. The objective of the study is to identify the financial needs of UiTM students according to the department and semester of study, the difference in the cost of learning needs between faculties as well as to re-evaluate the method of zakat distribution that is more relevant to the current situation. It was done quantitatively through the distribution of online questionnaires to the students of the Faculty of Architecture and Material Planning (FSPU), the Faculty of Painting & Design (FSSR), the Faculty of Accounting (FP), the Faculty of Computer Science and Mathematics (FSKM) and the Faculty of Applied Science (FSG). Based on the analysis, the findings show that the cost of the learning requirements is greater for FSSR students compared to those of other faculties. This study also suggests some improvements to increase the transparency and effectiveness of zakat distribution including the use of the concept of Fiqh al-Awlawiyyat. It is hoped that the results of this study can provide realistic practical guidance for zakat institutions in an effort to improve the management and distribution of aid to asnaf students.*

Keywords: *Asnaf Students, Application, Cost of learning, Fiqh al-Awlawiyyat, and Zakat Distribution*

Pengenalan

Situasi krisis kewangan serta kedudukan ekonomi semasa yang kurang stabil sering kali menyebabkan para pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah termasuk pelajar asnaf zakat terlibat dengan isu penggantungan atau pemberhentian pengajian. Terhimpit dengan peningkatan kos pengajian dan pembelajaran serta sara hidup adalah antara faktor yang membebankan para pelajar ini sehinggakan ada di antara mereka yang tidak keberatan untuk menamatkan pengajian dan usaha mereka untuk mencapai kecemerlangan akademik masing-masing (MalaysiaNow, 23 September 2022). Sehubungan itu, usaha agihan bantuan zakat kepada pelajar asnaf telah diusahakan oleh Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf, UiTM Perak melalui platform fakir miskin dan *fi sabilillah* sebagai satu solusi bagi permasalahan tersebut. Namun, kewujudan kepelbagaian fakulti dan program yang ditawarkan oleh UiTM Perak telah memperlihatkan usaha agihan bantuan ini masih perlu ditambahbaik bagi hasilan pengagihan yang lebih adil dan relevan dengan keperluan semasa. Mengaplikasikan kaedah Fiqh al-Awlawiyyat , kajian ini telah dilaksanakan untuk menentukan *had kifayah* iaitu had minima perbelanjaan yang mencukupi kepada pelajar asnaf melalui agihan zakat yang adil mengikut keperluan pengajian masing-masing.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan melalui aplikasi Fiqh al-Awlawiyyat bagi mencari kaedah alternatif penentuan had kifayah kepada mahasiswa mengikut keperluan perbelanjaan pengajian. Hal ini penting bagi menilai semula kaedah agihan zakat yang lebih relevan mengikut keadaan semasa. Justeru, kajian ini menetapkan tiga objektif yang ingin dicapai iaitu;

1. Mengenalpasti perbezaan kos keperluan pembelajaran pelajar UiTM Cawangan Perak antara fakulti mengikut jabatan dan semester pengajian.
2. Menjelaskan perbezaan kos keperluan pembelajaran yang pelbagai
3. Menilai semula kaedah agihan zakat yang lebih relevan mengikut keadaan semasa .

Sorotan Literatur

Had Kifayah

Had kifayah amat mustahak bagi menentukan kelayakan seseorang asnaf menerima bantuan zakat yang mencukupi bagi meneruskan keperluan kehidupannya. Menurut Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, ia bermaksud *garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang individu dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup semasa* dengan merujuk kepada suatu kadar keperluan asasi yang paling minimum bagi sesebuah isi rumah yang ditetapkan (MAIDAM, 2024). Dalam makna lain ianya merujuk kepada suatu garisan, had atau kadar keperluan asas minimum berdasarkan kos sara hidup masa kini dan seterusnya bagi mengetahui kadar bantuan yang perlu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi (Had Kifayah, Zakat Universiti, 2024).

Fiqh al-awlawiyyat

Fiqh al-awlawiyyat atau fiqh keutamaan merupakan istilah yang menggabungkan dua perkataan iaitu *fiqh* dan *al-awlawiyyat*. *Fiqh* dari segi bahasa bermaksud memahami manakala dari segi istilah bererti memahami hukum-hukum syarak yang bersifat amali yang disimpulkan daripada dalil yang terperinci (Mohd Zahirwan Halim et al., 2016). Wahbah al-Zuhaili (2002) mentakrifkan bersifat amali (perbuatan) merupakan amalan hati atau bukan hati yang dilakukan oleh seseorang meliputi zahir dan batin. Al-awlawiyyat pula berasal dari perkataan *awla* yang bermaksud utama, unggul dan penting. Gabungan perkataan ini bermaksud panduan atau tatacara untuk memahami perkara-perkara yang lebih utama atau lebih penting dalam persoalan agama (Sharil Nizam et al., 2022). Secara ringkasnya, *fiqh al-awlawiyyat* bermaksud keputusan seseorang melaksanakan sesuatu tindakan yang sewajarnya berdasarkan ketetapan syarak dengan disertai pertimbangan susunan keutamaan dalam aspek hukum, nilai dan pelaksanaan termasuklah kepentingan dan kesan dalam *masalah dharuriyyat* (keperluan asasi).

Aplikasi Fiqh al-Awlawiyyat Menurut Para Fuqaha

Ilmu fiqh yang bersifat kemasyarakatan memelihara kepentingan individu dan masyarakat bagi mengelakkan berlakunya kezaliman bagi mana-mana pihak. Seandainya berlaku pertentangan di antara kepentingan dua pihak, Wahbah al-Zuhaili (2002) berpendapat perlu diutamakan kepentingan bagi pihak yang menanggung kemudharatan yang lebih besar. Beliau menjelaskan penggunaan kaedah *fiqh al-awlawiyyat* (fiqh keutamaan) digunakan sebagai solusi pertimbangan yang adil. Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2014) turut menjelaskan bahawa *fiqh al-awlawiyyat* pada asasnya meletakkan perbezaan antara pendirian, hukum, gerak kerja dan tanggungjawab mengikut susunan yang ditentukan oleh syariat Islam dan masing-masing berbeza dari segi susunannya. Aplikasinya akan meletakkan sesuatu pada susunan yang betul dan adil, dengan mendahulukan perkara yang paling utama daripada yang utama dan

kepentingan besar daripada kepentingan kecil merujuk kepada situasi masalah (kebaikan) atau mafasid (keburukan) yang berlaku. Malah menurut beliau lagi, sebarang kesilapan menentukan keutamaan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk politik, ekonomi, pendidikan, kewangan dan sebagainya akan mengundang berlakunya impaks yang negatif atau kesan yang memudharatkan.

Bertitiktolak daripada matlamat untuk mendapatkan had kifayah yang lebih realistik dan adil bagi penentuan jumlah agihan bantuan zakat yang tepat kepada pelajar asnaf UiTM Perak, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan *fiqh al-awlawiyyat*, iaitu dengan mengambil kira kos semasa item keperluan pembelajaran sebagai perkara *dharuriyyat* (keperluan asas) pelajar meneruskan pengajian masing-masing. Seterusnya, menetapkan purata keperluan kewangan melalui kepelbagaian fakulti dan semester untuk menyusun keutamaan agihan bantuan yang saksama kepada para pelajar asnaf.

Kaedah Agihan Zakat UiTM Cawangan Perak

Bermula tahun 2013, agihan zakat di UiTM Cawangan Perak dibuat berasaskan kepada masalah keperluan pelajar. Ini menjadikan setiap penerima menerima kadar agihan zakat yang berbeza mengikut tahap ketidakupayaan kewangan memenuhi keperluan pembelajaran dalam semester semasa. Daripada perspektif fiqh zakat, pendekatan ini adalah berasaskan salah satu maqasid agihan zakat iaitu memenuhi keperluan asnaf. Menurut jumhur ulama, tahap keperluan asnaf merupakan asas utama kepada penentuan keutamaan agihan di antara asnaf-asnaf zakat berbanding agihan secara sama rata. Contohnya pandangan Imam Malik (1999) dalam al-Mudawwanah menyebut:

“Jika engkau mendapati keseluruhan asnaf yang disebut oleh Allah di dalam al-Quran, dan dari kalangan mereka satu asnaf yang lebih memerlukan, utamakan mereka yang memerlukan sehingga memenuhi keperluan mereka, adalah perlu mengikutinya setiap tahun untuk mereka yang lebih memerlukan selagimana ada keperluan, ia bukanlah bahagian-bahagian yang tertentu”

Sehubungan dengan itu, terdapat permasalahan penentuan seseorang pelajar termasuk sama ada dalam asnaf miskin dan asnaf *gharimin* dalam konteks sebuah institusi pengajian tinggi. Juga ekoran jumlah calon pelajar asnaf yang terlalu ramai sedangkan hasil zakat yang diperolehi adalah terhad, timbul persoalan menentukan keutamaan kelayakan pelajar dari kalangan asnaf *fisabilillah*.

Kesimpulannya, isu ini perlu diperhalusi ke atas pelajar universiti terutamanya Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) umumnya dan Cawangan Perak khususnya, umpamanya dari aspek keperluan pembelajaran mengikut setiap Jabatan di dalam fakulti perlu diselidiki bagi meminimakan masalah perbelanjaan di kalangan Mahasiswa UiTM khususnya di Cawangan Perak. Keperluan perbelanjaan pembelajaran yang berbeza dari fakulti yang pelbagai menuntut kepada pelaksanaan suatu kajian keutamaan yang lebih terperinci bagi mencari kaedah alternatif dalam penentuan had kifayah kepada para mahasiswa. Hal ini penting bagi menilai semula had kifayah yang sesuai mengikut keadaan masa kini.

Keperluan Pembelajaran

Buku Teks, Buku Manual, Buku Rujukan dan Modul

Buku teks merupakan bahan pengajaran yang lazim digunakan dalam pembelajaran (Su'udiyah et al., 2016). Menurut kajian oleh Puspita et al. (2016), buku teks mampu memberikan peningkatan hasil pembelajaran apabila pelajar menjadikannya sebagai salah satu sumber pembelajaran. Sungguhpun dengan lambakan dan kepelbagaian bahan rujukan elektronik di era digital kini, penggunaan buku teks masih tidak ketinggalan dan relevan digunakan oleh para pelajar (Fletcher et al., 2012; Knight, 2015). Malah generasi Y yang mempunyai pendedahan meluas terhadap teknologi turut masih cenderung untuk memilih menggunakan buku yang bercetak berbanding buku elektronik (e-buku) untuk tujuan pembelajaran (Knutson & Fowler, 2009).

Buku manual ialah buku panduan yang memuatkan cara atau langkah bagi sesuatu pembelajaran yang berbentuk praktikal. Ia merupakan praktis bagi pembelajaran berpusatkan pelajar atau *student centered* agar pembelajaran dapat berjalan secara efektif dan berkesan (Muktiani et al., 2016). Menurut Ridwan dan Wulansari (2019), buku manual akan membuatkan pelajar lebih bersemangat dalam mengikut proses pembelajaran. Hal ini demikian kerana buku manual mengandungi kandungan pembelajaran yang lebih ringkas serta dilengkapi dengan gambar, contoh dan langkah-langkah yang lebih mudah difahami (Widyaningrum & Setiawan, 2018).

Menurut Fatimah Mohd. Sarjan (2012), sesuatu bahan pengajaran seperti modul yang direka bentuk hendaklah mengambilkira pelbagai keperluan dan kebolehan pelajar supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam mengurus corak pembelajaran sendiri. Beliau membina modul untuk mengkaji kesan penggunaannya ke atas tahap pencapaian pelajar sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan dalam mata pelajaran Sains dan menguji kesan penggunaan modul sebagai alat bahan bantu mengajar guru di kelas. Hasil dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang menggunakan modul pembelajaran dengan pengajaran secara konvensional.

Tugasan

Menggunapakai kaedah pembelajaran berasaskan projek seperti aktiviti kelas menghasilkan buku skrap telah memberi kesan positif dari segi peningkatan tahap minat dan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran serta peningkatan markah dalam ujian (Pau Chai Hung, 2012). Penghasilan buku skrap mampu meningkatkan prestasi pemahaman murid-murid berkaitan idea, konsep, teori dan prinsip sains. Penggunaan peralatan melukis dalam proses pembelajaran tidak boleh dipandang remeh. Kajian yang (Fara Azeerin A Karim, t.t) melibatkan pelajar fesyen yang kurang berkemahiran untuk melukis ternyata memberi kesan yang efektif. Melalui pengenalan peralatan melukis *Illustration Tracing Box* yang telah direka bentuk dengan idea baru telah menjadikannya satu produk inovasi yang dapat memenuhi keperluan pelajar yang kurang mahir untuk melukis. Penggunaan produk ini dapat mempengaruhi dan memberi motivasi kepada pelajar serta membantu mereka di dalam pembelajaran modul Ilustrasi fesyen.

Selain itu, pendekatan animasi dan grafik di dalam pembelajaran juga berupaya menarik perhatian ramai pelajar kerana ia mampu menzahirkan sesuatu fantasi ke alam realiti (Arihasnida Ariffin, 2015).

Bermula 1 Januari 2015, setiap pelajar disyaratkan menduduki Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET) sebagai syarat umum untuk memasuki Universiti Awam atau IPTA. Antara beberapa kajian lepas yang menyentuh tentang MUET ialah kajian (Yenny Chee Fong Yeun, 2016) berkenaan sama ada keluasan dan kedalaman kosa kata pelajar pra universiti di Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemahaman dalam MUET serta mengenal pasti tahap ambang keluasan kosa kata yang dapat membantu pelajar dalam pemahaman tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi mencapai keputusan yang baik keluasan kosa kata adalah antara faktor yang perlu diberi tumpuan dalam kefahaman pembelajaran kerana ia boleh meningkatkan kefahaman dalam bacaan pelajar.

Capaian Internet

Rozinah (2000) dalam kajiannya membincangkan mengenai kepentingan penggunaan internet dalam pendidikan yang dilihat sangat membantu para pelajar dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pendidik. Kajian seterusnya oleh Kian-Sam Hong & Norazila (2014), turut menyentuh persoalan mengenai kepentingan penggunaan internet khususnya di institusi pengajian tinggi. Kajian mereka mengkhususkan kepada corak penggunaan seharian para mahasiswa universiti seiring dengan perkembangan teknologi. Malah, Anderson (2005), Singhal (1997) dan Siti Sarah & Issham (2011) juga menekankan bahawa pentingnya para pelajar memiliki akses internet untuk sesi pembelajaran. Kajian oleh Siti Sarah & Issham (2011) memfokuskan kepada tahap keberkesanan pembelajaran jarak jauh kepada para pelajar. Walaupun penggunaan internet adalah sangat penting pada masa kini, namun menurut Wan Hamzari et al. (2011) masalah ketagihan dalam kalangan pelajar adalah sangat membimbangkan dan perlu kepada langkah penyelesaian yang efektif bagi membendung masalah tersebut.

Kot Makmal

Bagi kajian mengenai keperluan asasi pelajar aliran sains seperti kot makmal tidak dibuat secara khusus, hanya disebut secara umum yang terarah kepada pembangunan etika dan kaedah pembelajaran. Antara kajian yang dimaksudkan di atas adalah Nur Liyana et al. (2014), Akinoglu & Tandogan (2006), Aziz & Thivya (2006) dan Zainun et al. (2019). Sarah Athirah et al. (2015) telah menjalankan suatu kajian yang memfokuskan kepada pola perbelanjaan dan kadar had kifayah zakat kepada pelajar sarjana muda di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bertujuan mengkaji corak perbelanjaan pelajar dengan mendapatkan purata perbelanjaan sebulan bagi mencadangkan had kifayah khusus kepada pelajar mengikut aliran pengajian.

Aplikasi Pembelajaran

Aplikasi atau perisian tertentu sama ada secara atas talian (online) atau tanpa talian (offline) merupakan salah satu bentuk teknologi atau boleh juga dikatakan sebagai satu produk yang dihasilkan oleh teknologi sebagaimana diterangkan oleh Finn (1960), Galbraith (1967), dan telah dijelaskan sebelum ini.

Istilah “Atas Talian” merupakan terjemahan kepada istilah bahasa Inggeris “Online” (ada yang menterjemahnya sebagai “Dalam Talian”), bermaksud “connected to and under the control of a central processor” (e-Kamus 5.02 – Dictionary of Computer, 2007), “actively using a computer system, especially the Internet” (<http://foldoc.org/online>, 29 Januari 2014). Berdasarkan definisi ini, difahami bahawa “Atas Talian” merupakan sesuatu aktiviti yang melibatkan penyambungan kepada sesuatu sistem bagi alatan teknologi tertentu (iaitu; komputer), dan sistem itu biasanya adalah internet. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan

di sini bahawa aplikasi atas talian adalah melibatkan sesuatu perisian yang dapat diakses secara sambungan internet. Dalam kajian ini, apa yang dimaksudkan dengan aplikasi atas talian adalah aplikasi yang tersedia di laman sesawang seperti 'Quizlet.Com, yang dicapai melalui sambungan internet dengan menggunakan peralatan teknologi (iaitu; komputer dan lain-lain).

Telefon Pintar

Telefon pintar merupakan salah satu gajet yang semakin penting dalam kehidupan yang merangkumi penggunaan dalam pelbagai bidang. Penggunaan telefon pintar dalam bidang Pendidikan telah lama diperkatakan sama ada kesannya memberikan impak yang positif mahupun negatif. Telefon pintar memainkan peranan yang penting dalam kehidupan pelajar sebagai alat untuk berkomunikasi dan telah berjaya menarik minat golongan muda (Hamdan, Din & Abdul Manaf, 2012). Telefon pintar memudahkan pembelajaran sama ada di dalam atau luar kelas kerana aplikasi, capaian internet dan aksesnya yang lebih meluas. Pensyarah boleh memuatnaikkan nota ataupun tugas dan para pelajar boleh mengaksesnya sama ada di dalam atau luar kelas. Seiring dengan menuju perkembangan pembelajaran abad ke 21, pembelajaran banyak dibangunkan menerusi perbincangan serta perkongsian idea dan ini memberikan isyarat terhadap kesediaan para pelajar menggunakan bahan mudahalih untuk perkongsian ilmu dan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kuliah dan syarahan tenaga pengajar sahaja (Daud & Khalid, 2014).

Alfawareh & Jusoh (2014) menjelaskan dalam kajian yang dilaksanakan bahawa meskipun telefon pintar mempunyai banyak potensi untuk digunakan secara optimum untuk pembelajaran. Namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih pada tahap yang rendah (Alfawareh & Jusoh, 2014). Dapatan ini secara tidak langsung memberi ruang kepada penyelidikan yang lebih khusus dilaksanakan untuk memahami bagaimana pola penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar universiti sekiranya lebih banyak aplikasi mudahalih hendak dilaksanakan secara lebih proaktif dan menyeluruh di universiti atau institusi pengajian tinggi. Dari sudut penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum, dapatan menunjukkan penggunaan tertinggi adalah bagi kategori untuk tujuan sosialisasi. Hal ini seiring dengan kemajuan pesat dalam khidmat mesej seperti WhatsApp, Telegram serta WeChat yang menjadi kegemaran pengguna. Aplikasi khidmat mesej ini bukan sahaja memudahkan perkongsian maklumat antara pengguna, malah turut menjimatkan kerana pengguna hanya memerlukan talian Internet untuk berhubung berbanding panggilan telefon yang dikenakan bayaran tambahan (Fariza et al., 2015).

Secara keseluruhannya, semua item ini adalah penting dalam aspek menjayakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kepelbagaian fakulti yang ada di UiTM Perak. Kajian lepas tidak memperhalusi keperluan kos item berkenaan dalam kalangan para pelajar yang berbeza latar belakang pengajian yang pelbagai. Sebaliknya lebih tertumpu kepada keperluan perbelanjaan makanan dan bukan makanan umpamanya. Item-item tersebut telah digunakan sebagai penanda aras dalam kajian untuk mengetahui keperluan kos pembelajaran dengan merujuk kepada kepelbagaian pengajian para pelajar di UiTM Perak.

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah termasuk pengumpulan dan analisis data atau maklumat semasa kajian lapangan. Kajian ini dijalankan di lima (5) fakulti di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Cawangan Perak iaitu Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Fakulti Senibina dan Perancangan Ukur (FSPU), Fakulti Sains Gunaan (FSG), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) serta Fakulti Perakaunan (FP). Bertujuan mencari

kaedah alternatif melalui aplikasi fiqh al-awlawiyyat dalam pengagihan bantuan zakat kepada mahasiswa mengikut keperluan perbelanjaan pengajian mereka di UiTM Cawangan Perak, kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan secara tinjauan. Maklumat yang diperlukan untuk kajian ini diperolehi melalui instrumen soal selidik dan dapatan data akan dianalisis secara deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar UiTM Cawangan Perak berdasarkan semester dan jabatan. Bilangan sampel kajian pula dikira merujuk kepada Jadual Persampelan Krejice Morgan 1970.

Jumlah pelajar di UiTM Cawangan Perak adalah seramai 11927 orang dan sampel saiz pelajar ialah 1931. Sebanyak 2197 responden telah diterima daripada edaran soal selidik secara atas talian, namun selepas saringan dilakukan hanya 2053 responden yang digunakan untuk dianalisis. Soal selidik ini diedarkan kepada responden menggunakan aplikasi Google Form. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah bilangan populasi dan sampel kajian mengikut fakulti sepertimana yang telah dijalankan.

Jadual 1: Bilangan Populasi dan Sampel Kajian Mengikut Fakulti

Bil	Fakulti	Bil. Populasi	Bil. Sampel
1.	Fakulti Sains Gunaan	1251	201
2.	Fakulti Sains Komputer dan Matematik	1260	243
3.	Fakulti Perakaunan	1378	156
4.	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka	1000	363
5.	Fakulti Senibina dan Perancangan Ukur	7038	1233
Jumlah Keseluruhan Sampel		11927	1931

Dapatan Kajian

Demografi responden

Kajian ini melibatkan tujuh kumpulan responden yang terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan sarjana muda di UiTM Cawangan Perak yang melibatkan kampus Seri Iskandar dan kampus Tapah. Responden terdiri daripada kumpulan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di UiTM Cawangan Perak. Oleh itu, profil responden pelajar turut merangkumi latar belakang demografi responden iaitu fakulti, jabatan, semester dan jantina.

Jadual 2: Jantina Responden Pelajar

Jantina	N	Peratusan
Lelaki	706	29.6%
Perempuan	1678	70.4%
Jumlah	2384	100%

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan terdapat seramai 2384 pelajar yang terlibat sebagai responden kajian. Responden perempuan lebih ramai iaitu 1678 pelajar (70.4%) berbanding responden yang berjantina lelaki iaitu seramai 706 pelajar (29.6%).

Jadual 3: Bilangan Mengikut Fakulti

Fakulti	N	Peratusan
FSSR	449	18.8%
FSG	195	8.2%
FP	148	6.2%
FSKM	276	11.6%
FSPU	1316	55.2%
Jumlah	2384	100%


Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 3 menunjukkan dapatan bilangan responden berdasarkan fakulti yang ada di UiTM Cawangan Perak yang terdiri daripada kampus Seri Iskandar dan kampus Tapah. Dapatan secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah dari kalangan pelajar FSPU diikuti oleh fakulti FSSR di mana fakulti ini berada di kampus Seri Iskandar.

Jadual 4: Peringkat Pengajian Responden Pelajar

Lokasi	N	Peratusan
Ijazah Sarjana Muda	294	14%
Diploma	1759	86%
Jumlah	2053	100%

Dapatan bagi aspek peringkat pengajian responden, menunjukkan hanya ada dua iaitu diploma dan sarjana muda dan dapatan adalah seperti di jadual 4. Berdasarkan jadual, peringkat pengajian responden pelajar hanya terdiri daripada dua peringkat sahaja iaitu, Ijazah Sarjana Muda seramai 294 responden (14%), manakala responden yang selebihnya terdiri dalam peringkat pengajian diploma iaitu seramai 1759 orang (86%). Dapatan menunjukkan majoriti responden adalah dari kalangan pelajar peringkat diploma.

Jadual 5: Bilangan responden pelajar mengikut program




Jadual 5 di atas menunjukkan bilangan responden yang terlibat di dalam kajian yang telah dilakukan dengan berdasarkan kepada program yang ditawarkan di UiTM cawangan Perak.

Keperluan Pembelajaran Pelajar Di Uitm Cawangan Perak

Bagi mendapatkan maklumat berkenaan keperluan kos semasa pembelajaran para pelajar di UiTM cawangan Perak, set soalan soal selidik telah dikemukakan dengan melibatkan beberapa item keperluan pembelajaran. Berdasarkan maklumbalas dari responden pelajar, jadual berkenaan tersebut dapat menjelaskan keperluan kos pembelajaran berdasarkan fakulti masing-masing. Keperluan item yang dimaksudkan adalah berikut;


1. Anggaran perbelanjaan buku teks/ buku manual/ buku rujukan utama/ modul.
2. Anggaran perbelanjaan tugasan (Contoh: Folio/ Buku sekerap/ Lukisan)
3. Anggaran perbelanjaan peralatan pembelajaran (Contoh: Alat tulis)
4. Anggaran keperluan studio/ makmal/ bengkel (Contoh: fabrik/ kamera/ kot makmal)
5. Anggaran perbelanjaan keperluan lain (Contoh: Lawatan tapak/ MUET/ dan lain-lain)
6. Capaian internet
7. Aplikasi pembelajaran (Contoh: Autocad/ Adobe Photoshop) *jika berkaitan




Rajah 1: Keperluan Perbelanjaan Mengikut Program Berdasarkan Responden (RM)

Rajah 1 di atas adalah maklumbalas para responden berkenaan kos keperluan perbelanjaan mengikut program yang ditawarkan di UiTM cawangan Perak. Perbelanjaan keperluan pembelajaran yang tinggi adalah melibatkan para pelajar dari fakulti FSSR yang majoritinya melebihi RM1,000.00, berdasarkan urutan jumlah kos menurun; AD115 (RM1304.60), AD241 (RM1299.80), AD111 (RM1239.30), AD116 (RM1181.60), AD118 (RM1169.00), AD228 (RM1055.30), dan AD117 (RM1025.20). Manakala purata kos pembelajaran adalah sebanyak RM756.00.

Keperluan Responden Pelajar Mengikut Fakulti




Rajah 2: Purata Keperluan Perbelanjaan Mengikut Fakulti Berdasarkan Responden (Diploma) (RM)




Rajah 3: Purata Keperluan Perbelanjaan Mengikut Fakulti Berdasarkan Responden (Ijazah Sarjana Muda)(RM)

Merujuk kepada rajah 2 dan 3 , yang masing-masing mewakili dapatan secara purata kos keperluan perbelanjaan mengikut fakulti berdasarkan responden peringkat diploma dan purata kos keperluan perbelanjaan mengikut fakulti berdasarkan responden peringkat sarjana muda. Hasil dapatan menunjukkan pelajar FSSR sama ada di peringkat diploma dan sarjana muda memerlukan perbelanjaan kos pembelajaran yang tertinggi berbanding fakulti lain, di mana masing-masing melebihi RM1000.00. Antara faktor yang dikenalpasti adalah kerana para pelajar FSSR banyak mengeluarkan perbelanjaan dalam pembelian keperluan peralatan bagi kegunaan pembelajaran masing-masing.



Jadual 6: Keperluan Perbelanjaan Mengikut Program Semester Responden Pelajar AD115 (RM)



Jadual 7: Keperluan Perbelanjaan Mengikut Program Semester Responden Pelajar AC110 (RM)

Berdasarkan penelitian terhadap jadual 6 dan 7 perolehan data mengenai keperluan pembelajaran berdasarkan aspek program dan semester, analisis dilakukan ke atas sampel kajian dari program AD115 dan AC110. Dapatan menunjukkan bahawa aspek program dan

semester jelas mempengaruhi kadar kos pembelajaran yang ditanggung oleh para pelajar. Keperluan penggunaan peralatan pembelajaran nyata berbeza antara semester 1 sehingga 5 bagi setiap program dan ini akan memberi kesan terhadap jumlah tanggungan kos pembelajaran para pelajar.

Perbelanjaan Pembelajaran Pelajar Mengikut Program Dan Semester

Jadual 8: Purata Keperluan Perbelanjaan Pembelajaran Pelajar UiTM Cawangan Perak Mengikut Program dan Semester (RM)

Kod Program	Semester Pengajian							
	1	2	3	4	5	6	7	8
AC 110	446	496	574	583	509			
AC 120		387		732	400			
AS 120	563	471	451	538	633			
CS 110	493	422	218	364				
CS 111		464	384	457	465			
CS 112		393	631	584	528			
CS 143	446	412	421	381	549			
CS 230	536	383	268	181	390	372		
AP 111	969	802	999	921	600	1049		
AP 114	470	506	351	421	425	884		
AP 115	418	540	409	613	607	808		
AP 116	511	682	492	618	487	713		
AP 117	1152	736	750	1327	836	998		
AP 119	642	594	396	576	907	718		
AP 148	1021	919	786	677	955	945		
AP 221				699	498		822	1887
AP 224			414	460	447	535	757	
AP 225			706	575	564	526		
AP 229				342	432	482	524	
AP 243	865	676	751	1078	1546	719	1585	560
AP 256			654	427	320	571	561	
AD 111		799	260	709				
AD 115	846	1028	429	749	988			

AD 116	1026	1401	912	1159	1482			
AD 117	2379	1775	2149	1638	2200			
AD 118	792	890	865	940	1141			
AD 228				1720	1554	1061		
AD 241				2642	1317	742		

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 8 menunjukkan purata keperluan perbelanjaan pembelajaran pelajar mengikut program dan semester pengajian yang merangkumi keperluan pembelian buku, penyediaan tugas; pembelian alat tulis, keperluan studio/makmal/bengkel, lawatan tapak dan peperiksaan MUET, data internet dan pembelian aplikasi memperlihatkan jumlah kos yang berbeza walaupun daripada jabatan yang sama. Berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa aplikasi keutamaan yang diguna pakai telah memberikan gambaran yang lebih jelas berkenaan jumlah keperluan kos kewangan yang sebenar para pelajar. Justeru itu, diharapkan dapatan ini akan dapat membantu menjayakan peruntukkan bantuan agihan yang lebih telus dan seterusnya meringankan bebanan para pelajar asnaf berkenaan.

Rumusan

Latar belakang para pelajar yang terdiri daripada pelbagai bidang fakulti yang berbeza, memerlukan sistem pengagihan zakat sedia ada ditambahbaik dengan mengambil kira faktor-faktor keutamaan berikut; pertamanya, kepelbagaian “*nature*” fakulti yang berbeza dengan merangkumi program dan semester dan keduanya, perlu membentuk penentuan kadar had kifayah melalui dapatan yang diperolehi. Dalam kata lain, bagi melaksanakan kaedah agihan bantuan zakat yang lebih adil dan tepat, penelitian melalui pendekatan fiqh keutamaan terhadap variasi kos item pembelajaran wajar dilaksanakan secara “*case by case*” berdasarkan aspek fakulti, program dan semester kerana ia mempengaruhi jumlah kos pembelajaran dan pengajian serta penentuan had minima yang mencukupi ke atas kewangan seseorang pelajar asnaf kelak. Panduan daripada aplikasi *fiqh al-awlawiyyat* ternyata mampu memperhalusi keperluan pelajar yang berbeza latar belakang pengajian dan semester bagi mendapatkan had kifayah yang dikehendaki yang akan digunakan selanjutnya bagi pertimbangan agihan bantuan zakat. Ini akan memudahkan keputusan yang telus bagi menghasilkan ketepatan kos yang akan menjamin pelaksanaan agihan zakat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak dan sistem UiTM. Akhirnya, juga menjadi suatu keperluan dicadangkan supaya penelitian kos keperluan pembelajaran dilakukan secara berkala bagi menghasilkan satu kaedah agihan bantuan yang bersifat komprehensif dan relevan dengan keperluan semasa pelajar.

Rujukan

- Akinoglu, O. & Tandogan, R.O. (2006). The Effects of Problem-based Active Learning in Science Education on Students' Academic Achievement, Attitude and Concept Learning. Istanbul: Marmara Universitesi Turkey.
- Al-Fawareh, H. M., & Jusoh, S. (2014). Smartphones Usage Among University Students: Najran University Case. *International Journal of Academic Research*, 6(2), 321-326.
- Anderson, J. (2005). IT, e-Learning and Teacher Development. *International Education Journal, Special Issue*, 5(5), 1-14.
- Arihasnida Ariffin (2015). Kesan Persembahan Masalah Berbentuk Grafik dan Animasi Bagi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Talian Kursus Lukisan Kejuruteraan dalam Malaysian Online Journal of Education Vol. 1, No. 1 (2017), 20-28 diambil daripada www.coursehero.com > file > 77788639 pada 22/6/2021
- Aziz, N. & Venugopal, Thivya (2010). Kajian Mengenai Tahap Pemahaman Pelajar-pelajar Tingkatan Satu dan Empat Aliran Sains Terhadap Langkah-langkah Keselamatan di Makmal Sains di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Sungai Petani, Kedah. *Universiti Teknologi Malaysia*. 1-7 (Tidak diterbitkan).
- Chee Y.F.Y. (2016). Keluasan dan Kedalaman Kosa Kata Sebagai Prediktor dalam Kefahaman Pembacaan MUET di Kalangan Pelajar-Pelajar Matrikulasi. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, UPM.
- Daud, M. D. & Khalid, F. (2014). Nurturing the 21st Century Skills among Undergraduate Students through The Application and Development of Weblog. *International Education Studies*, 7 (13), 123-129
- E-Kamus 5.02 Professional Edition. Dictionary of Computer (2007).
- Fara Azeerin A Karim (t.t.). Keberkesanan Penggunaan Illustration Tracing box dalam Pembelajaran Modul Ilustrasi Fesyen: Satu kajian di Kalangan Pelajar Sijil fesyen dan Pakaian Kolej Komuniti Temerloh diambil daripada www.academia.edu > 31419998 > pada 21/6/2021
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Aidah Abdul Karim. (2015). Pemilihan Aplikasi Teknologi sebagai Medium Perkongsian Maklumat oleh Pelajar Siswazah Universiti. The ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015, 7-8 Oktober 2015. Hong, F. Y., Chiu, S, I., Huang, D.H. (2012).
- Fatimah Mohd Sarjan (2012). Kesan Penggunaan Modul Pembelajaran Sains Tingkatan Dua . Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Finn, J. D. (1960). *Technology and The Instructional Process*, Audiovisual
- Fletcher, G., Schaffhauser, D., & Levin, D. (2012). Out of Print: Reimagining the K-12 Textbook in a Digital Age. *State Educational Technology Directors Association*.
- Galbraith, J. (1967). *The New Industrial State*. Boston: Houghton Mifflin.
- Had Kifyah, Zakat Universiti (2024). diambil daripada <https://www.ukm.my>>Home>AGIHAN pada 12/7/2024
- Hamdan, A., Din, R. & Abdul Manaf, S. Z. (2012). Penerimaan M-Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Satu Analisis Literatur. UKM, Malaysia 1st International Conference on Mobil Learning, Applications, and services mobilcase2012)
- Kian-Sam H. & Norazila, A.A. (2014). Technology Use and Digital Learning Characteristics among Malaysian Undergraduates. *Sains Humanika*, 2(1), 117-124.
- Knight, B. A. (2015). Teachers' Use of Textbooks In The Digital Age. *Cogent education*, 2(1), 1015812.

- Knutson, R. Y. A. N., & Fowler, G. A. (2009). Book smarts? E-Texts Receive Mixed Reviews from Students. *Wall Street Journal*, 20.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (2024). Dalam Had Kifayah, diambil daripada <https://www.maidam.gov.my> pada 12/7/2024
- MalaysiaNow (2022). Dalam Ramai Pelajar Dijangka Tinggalkan Universiti. Diambil daripada <https://www.malaysianow.com> pada 16/7/2024
- Mohd Zahirwan Halim, Shahril Nizam Kalsom et al. (2016). Dimensi Islam dalam Pengurusan Alam Sekitar. Perak: Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawanagan Perak.
- Muktiani, N. R., Hastuti, T. A., & Listyarini, A. E. Manual Handbook Development for Creating Infrastructure And Facilities Of Physical And Sport Education (Pengembangan Buku Panduan Praktik Pembuatan Sarana Dan Prasarana Pendidikan Jasmani Dan Olahraga).
- Nur Liyana, A., Goh Choo Ta, Sharifah Zarina, S.Z., Mazlin, M. & Sharina, A.H. (2014). Pembangunan Satu Pendekatan bagi Memperkasakan Sistem Keselamatan Makmal Sains Sekolah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 153-160.
- Pau C.H. (2012). Penggunaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek Untuk Membantu Murid Tahun Empat Memahami Tajuk Cara Tumbuhan Membiak dalam Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012
- Puspita, A. M. I., Djatmika, E. T., & Hasanah, M. (2016). Peningkatan Hasil Belajar Siswa Berbantuan Buku Teks Berbasis Kontekstual untuk Siswa Kelas II Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, dan Pengembangan*, 1(10), 1880-1883.
- Ridwan, R., & Wulansari, W. (2019). Pengembangan Manual Book Boneka Tangan Berkarakter dengan Model Tadzkirah untuk Menumbuhkan Nilai-Nilai Karakter Positif Anak Usia Dini. *Efektor*, 6(2), 173-181.
- Rozinah, J. (2000). *Multimedia dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sarah Athirah, S., Aisyah, A.R. & Hairunnizam, W. (2015). Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2), 33-44.
- Shahril Nizam Zulkipli et al.(2022). (Eds.). Dinamisme Islam dan Pengurusan Alam Sekitar> Perak: Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
- Singhal, M. (1997). The Internet and Foreign Language Education: Benefits and Challenges. *The Internet TESL Journal*, 3(6)
- Siti Sarah, M.J. & Issham, I. (2011). The Effectiveness of e-Learning Portal in Distance Education as Perceived by Students in Universiti Sains Malaysia. *Malaysian Journal of Distance Education*, 13(1), 47-57.
- Su'udiah, F., Degeng, I. N. S., & Kuswandi, D. (2016). Pengembangan Buku Teks Tematik Berbasis Kontekstual. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, dan Pengembangan*, 1(9), 1744-1748.
- Wahbah al-Zuhaili. (2002). Fiqh dan Perundangan Islam. Jil. 1. DBP: Kuala Lumpur.
- Wan Hamzari, Ahmad Fauzi, M.A. & Mokhtar, N. (2011). Masalah Ketagihan Internet dalam Kalangan Pelajar Aliran Sains dari Perspektif Gender. *Masalah Pendidikan*, 34(1), 25-36.
- Widyaningrum, K., & Setiawan, D. (2018). Handbook Development to Create Expressive Drawings for Grade 2 Students in an Islamic Primary School Ambarawa Semarang. *Elementary School Teacher*, 2(2).
- Yusuf al-Qaradhawi. (2014). Siri Pemikiran Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Fiqh Keutamaan : Keutamaan Seorang Muslim. (terj.) Fi Fiqh Al-Aulawiyat Dirasah Jadidah Fi Dhaui al-Quran Wa al-Sunnah. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Zainun, M., Nooraida, Y. & Zolkofli, A. (2019). Ulasan Komprehensif Terhadap Prinsip, Matlamat dan pelaksanaan Konsep Pendidikan Sains Secara Tauhidik dalam Program BIODA'i. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 195-211